



01 OCT, 2023

171 premis judi online diserbu

Kosmo Ahad, Malaysia



Page 1 of 2



ANTARA suspek ditangkap berhubung kegiatan perjudian online dalam Op Dadu Khas di Johor baru-baru ini.

171 premis judi online diserbu

JOHOR BAHRU – Polis mem-berkas seramai 198 individu dipercayai terlibat dalam kegiatan perjudian online haram menerusi Ops Dadu Khas yang dilak-sanakan sejak 22 September lalu sehingga kelmarin.

Ketua Polis Johor, Datuk Kamarul Zaman Mamat berka-ta, dalam tempoh itu, pihaknya melakukan serbuan ke atas 171 premis di seluruh Johor.

Kesemua suspek yang diberkas itu berusia 18 hingga 66 tahun.

"Mereka yang ditahan terdiri daripada 174 rakyat tempatan dan 24 warga asing.

"Selain tangkapan, pihak kami merampas sebanyak 208 buah telefon bimbit pelbagai jenama, 76 pencetak mudah alih dan wang tunai RM39,123," ka-tanya dalam kenyataan di sini semalam.

Kamarul Zaman membe-ritahu, kesemua premis yang di-serbu sedang dalam proses pem-batalan lesen dan pematongan bekalan elektrik.

"Kita masih menunggu kelu-lusan daripada pihak berkuasa tempatan (PBT) dan Tenaga Na-sional Berhad untuk mengambil tindakan tersebut.

"Kesemua tangkapan tersebut

dibawa ke mahkamah bagi men-dapatkan permohonan reman untuk siasatan lanjut," katanya.

Kes disiasat mengikut Sek-syen 4(A)(a) dan 4B(b) Akta Ru-mah Judi Terbuka 1953.

Tambahnya, operasi itu di-laksanakan bagi membanteras kegiatan judi haram selain meningkatkan keyakinan kepada masyarakat dengan usaha yang diambil polis dalam memban-teras kegiatan tersebut.

Orang awam yang mempun-yai maklumat berkaitan aktiviti jenayah diminta menghubungi Bilik Gerakan Polis Johor di talian 07-2212999 atau 07-225 4677.